

**MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN PASUKAN TINDAK BALAS KECEMASAN (JPERT) ZON C4**

**BIL. 1 TAHUN 2024,**

**KAMPUS ALAM UniMAP, PAUH PUTRA**

Tarikh : 2 Mei 2024 (Khamis)  
Masa : 10:15 pagi – 12:30 tengah hari  
Tempat : [meet.google.com/hxv-xbjy-chh](https://meet.google.com/hxv-xbjy-chh)

Agenda:

1. Kata Aluan Komander Insiden Zon C4
2. Pelaporan Pengurusan Kecemasan Dan Insiden
3. Semak Status Takwim JPKPKP FKTM 2024 > Pengurusan Pasukan ERT
4. Semak Status Takwim Keselamatan Kebakaran Zon C4
5. Hal-Hal Berbangkit
6. Penutup Oleh Komander Insiden Zon C4


BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1	<p><b><i>Kata Aluan Komander Insiden Zon C4</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengucapkan selamat pagi dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Tindak Balas Kecemasan (JPERT) zon C4, pengurus JPKPKP FKTM, ahli-ahli JPKPKP FKTM dan ahli-ahli ERT FKTM Zon B &amp; C yang hadir dalam mesyuarat ini.</li> <li>• Mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat semasa latihan pengungsian bangunan zon C4 (fire drill) pada 7 Jun 2023 yang lalu.</li> <li>• Kepentingan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Tindak Balas Kecemasan (JPERT) Zon C4 Bil. 1 Tahun 2024 bagi membincangkan perancangan, aktiviti pemantauan dan latihan kompetensi untuk tahun 2024.</li> </ul>	- - -
2	<p><b><i>Pembentangan Pelaporan pengurusan kecemasan dan insiden</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komander Insiden Zon C4 membentangan pelaporan pengurusan kecemasan dan insiden.</li> <li>• Sejak mesyuarat Mesyuarat Post Mortem Sempena Latihan Pengungsian Bangunan Di Zon C4 (FKTM Zon A, FKTM Pauh 2 Dan PKU) pada 7 Julai 2023 yang lepas, JPERT Zon C4 sentiasa mengemaskini maklumat/ info kebakaran di makmal/bilik kuliah setiap kali berlaku perubahan terkini seperti poster: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Carta JPERT Zon C4 (1 Ogos 2023)</li> <li>2. QR Peraturan Makmal FKTM (27 November 2023) melalui ERT FKTM</li> <li>3. Carta JPKPKP FKTM (4 Disember 2023) melalui ERT FKTM</li> <li>4. Prosedur Tindakan Kecemasan (20 Disember 2023)</li> </ol> </li> <li>• JPERT Zon C4 melalui wakil ERT FKTM telah terlibat bersama bagi persediaan penerimaan sebarang audit jika diperlukan seperti :</li> </ul>	- - -

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 di FKTM pada 14 Disember 2023.</li> <li>2. Audit ETAC bagi 4 program RY di FKTM pada 12 Disember 2023.</li> <li>3. Audit TTAC bagi 3 program BTECH di FKTM pada 23&amp;24 April 2024.</li> </ol> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan peruntukkan budget 2024 bagi JPERT Zon C4 (Ketua blok/aras) melalui JKPP FKTM bagi membeli membeli 2 unit loud hailer bagi memudahkan proses pengungsian bangunan di Zon C4 tidak berjaya pada tahun 2024 ini dan akan dimohon semula untuk tahun 2025.</li> <li>• Hanya pembelian &amp; tuntutan dibawah RM200 boleh dilakukan tanpa perlu menggunakan kertas kerja dibenarkan jika kritikal (bergantung kepada budget semasa).</li> <li>• Pada 22 Februari 2024 telah terjadi kebakaran di tingkat 3 bilik pensyarah FKTM, bangunan FKTM Zon A. Komander Insiden Zon C4 telah mengaktifkan JPERT ZON C4 untuk proses pengungsian bangunan ZON C4 sekitar pukul 3.15pm. Seorang mangsa (PM. Dr. Phak Len Ai Eh Kan) selamat.</li> <li>• Pada 25 Mac 2024 sekitar 10.30pagi, pihak insuran adjustor telah melawat tempat kebakaran bagi membuat siasatan terhadap nilai kerugian sebenar.</li> <li>• Senarai peralatan yang rosak beserta jumlah kerugian keseluruhan yang akan dikongsikan oleh COSHE kepada Komander insiden Zon C4 akan dilaporkan kepada unit forensic bomba dan juga polis bagi tujuan tuntutan insuran dalam masa terdekat ini. Maklumat tersebut masih belum diterima hingga kini (<i>pending</i>).</li> <li>• Antara cadangan pembetulan atau penambahbaikan yang dicadangkan oleh JPERT Zon C4 melalui Komander Insiden semasa Mesyuarat JPKPKP FKTM Bil. 1 tahun 2024 pada 5 Mac 2024 setelah mengambil kira kebakaran pada 22 Februari 2024 ialah: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemeriksaan dan penaiktarafan sistem penggera keselamatan, sistem sprinkler dan lain-lain yang berkaitan perlu dilakukan segera di bangunan Zon C4 oleh Jabatan Pembangunan (JP) seperti yang telah dirancang.(Telah selesai pada 29/2/2024).</li> <li>2. Pengisian semula 3 alat pemadam api jenis ABC yang telah digunakan oleh JPERT Zon C4 semasa kebakaran oleh JP. (Telah selesai)</li> <li>3. Semua peralatan elektrik di bilik-bilik persendirian di bangunan Zon C4 perlu dimatikan setiap kali sebelum staf pulang kerja seperti aircond, lampu dan lain-lain.</li> <li>4. Penggantian semua aircond lama di bangunan Zon C4 perlu dilakukan segera oleh JP seperti yang telah dirancang sebelum ini. (Dalam proses)</li> </ol> </li> <li>• Perancangan tahun 2024 oleh JPERT zon C4 (Makluman terperinci seperti dalam takwim terkini). <ol style="list-style-type: none"> <li>1. JPERT Zon C4 merancang untuk menyertai satu sesi latihan pertolongan cemas yang dikendalikan oleh PKU (tarikh sebenar akan dimaklumkan oleh PKU dimana PKU merancang mengadakan kursus tersebut sebanyak 3 kali untuk tahun 2024 ini).</li> <li>2. Melakukan simulasi TTX dan Latihan Pengungsian Bangunan untuk tahun 2024 sebelum Julai 2024.</li> <li>3. Kemaskini carta JPERT Zon C4 dengan pelantikan penolong ketua pasukan dan penambahan ahli baru dari wakil FKTM [1. Dr. Ahmad Ashraf Bin Abdul Halim (Bilik pensyarah Komputer). 2. Mohamad Haris Bin Uzir (Makmal Adv Com). 3. Azizul Hafifi bin Abd Rahman (Makmal MKP1)].</li> <li>4. Kemaskini semua poster berkaitan keselamatan di semua makmal, bilik kuliah dan pejabat.</li> <li>5. JPERT Zon C4 melalui wakil ERT FKTM bekerjasama dengan JKPP FKTM bagi mengemaskini pemeriksaan 24 alat pemadam api kepunyaan FKTM yang tamat tempoh pada 12 Mei 2024.</li> </ol> </li> <li>• Komander Insiden Zon C4 meminta setiap ketua Pasukan Bantu Mula, Pasukan Pemadam &amp; Penyelamat, Pasukan Kawalan Trafik dan Pasukan Ketua Blok/Aras perlu melaporkan rumusan aktiviti-aktiviti pasukan yang dijalankan setelah mesyuarat hari ini sehingga sebelum mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 2 Tahun 2024 diadakan nanti. Analisa aktiviti diperlukan untuk penambahbaikan. Pelaporan</li> </ul>	<p style="text-align: center;">JPERT</p> <p style="text-align: center;">JPERT</p> <p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">JPERT/ COSHE</p> <p style="text-align: center;">JPERT/ JP</p> <p style="text-align: center;">JPERT/ JPKPKP FKTM</p> <p style="text-align: center;">JPERT</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>tersebut perlu dibentangkan pada mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 2 Tahun 2024 kelak oleh ketua setiap pasukan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Komander Insiden Zon C4 meminta setiap ketua Pasukan Bantu Mula, Pasukan Pemadam &amp; Penyelamat, Pasukan Kawalan Trafik dan Pasukan Ketua Blok/Aras juga perlu menyediakan pembentangan keperluan budget untuk tahun 2025 (sekiranya perlu) pada mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 2 Tahun 2024 nanti.</li> <li>Komander Insiden Zon C4 juga meminta setiap ketua Pasukan Bantu Mula, Pasukan Pemadam &amp; Penyelamat, Pasukan Kawalan Trafik dan Pasukan Ketua Blok/Aras untuk menyediakan pembentangan perancangan pasukan untuk tahun 2025 pada mesyuarat JPERT Zon C4 Bil. 3 Tahun 2024 nanti.</li> </ul>	<p>JPERT</p> <p>JPERT</p>
3	<p><b>Pembentangan Semak Status Takwim JPKPKP FKTM 2024 &gt; Pengurusan Pasukan ERT</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Komander Insiden Zon C4 membentangkan Takwim JPKPKP FKTM 2024 &gt; Pengurusan Pasukan ERT yang merangkumi perkara-perkara berikut beserta tarikh perancangan untuk tindakan lanjut JPERT Zon C4: <ol style="list-style-type: none"> <li>Kursus Pertolongan Cemas Asas</li> <li>Mesyuarat Pelarasan Latihan pengungsian bangunan (fire drill)- 16 Mei 2024</li> <li>Simulasi Table-top Exercise (TTX)- 16 Mei 2024</li> <li>Latihan pengungsian bangunan (fire drill)- 5 Jun 2024</li> <li>Mesyuarat post-mortem latihan pengungsian bangunan (fire drill)- Julai 2024</li> <li>Pemeriksaan pemadam api tanggungan FKTM- Mei 2024</li> <li>Kemaskini prosedur tindakan kecemasan- Januari 2024</li> <li>Pembentangan perancangan peruntukan JPERT untuk tahun 2025 dan tahun 2026- September 2024</li> <li>Pembentangan perancangan JPERT untuk tahun 2025- November 2024</li> </ol> </li> </ul>	<p>JPERT/ JPKPKP FKTM/ COSHE</p>
4	<p><b>Pembentangan Semak Status Takwim Keselamatan Kebakaran Zon C4</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Komander Insiden Zon C4 membentangkan Takwim Keselamatan Kebakaran Zon C4 yang merangkumi perkara-perkara berikut beserta tarikh perancangan untuk tindakan lanjut JPERT Zon C4: <ol style="list-style-type: none"> <li>Keahlian Jawatankuasa- Mei 2024</li> <li>Mesyuarat Bil. 1, 2 &amp; 3 Tahun 2024- 2 Mei, September &amp; November 2024</li> <li>Kursus Pertolongan Cemas Asas- mengikut tarikh yang akan diberi oleh PKU</li> <li>Kursus Kesedaran Kebakaran Bomba- Jun 2024</li> <li>Latihan TTX- 16 Mei 2024</li> <li>Pengungsian Bangunan/ Fire Drill- 5 Jun 2024</li> <li>Audit Tempat Kerja- April, Julai &amp; Oktober 2024</li> </ol> </li> </ul>	<p>JPERT/ JPKPKP FKTM/ COSHE</p>
5	<p><b>Hal-Hal Berbangkit</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dr. Ahmad Zulhafizi Bin Azmi dari wakil pasukan bantu mula memaklumkan bahawa PKU merancang menganjurkan 3 kursus pertolongan cemas pada tahun 2024 ini. Tarikh sebenar belum ditentukan lagi oleh PKU.</li> <li>Dr. Ahmad Zulhafizi Bin Azmi memaklum juga bahawa item peti pertolongan cemas asas yang dicadangkan PKU kepada COSHE telah dibuat. Pengumuman lanjut mengenainya akan dibuat oleh COSHE.</li> <li>Komander insiden memaklumkan bahawa JPERT Zon C4 berfungsi ketika hanya masa pejabat, selain waktu itu, Jabatan Keselamatan akan mengambil alih tugas JPERT Zon C4 jika berlaku hal-hal kecemasan.</li> <li>Komander insiden juga memberitahu poster terbaru carta organisasi JPERT Zon C4 akan diedarkan selepas ini setelah penambahan 3 ahli baru JPERT Zon C4 dibuat atau dikemaskini selepas ini.</li> <li>Makluman tambahan berkaitan ERT akan dikongsi dari semasa ke semasa oleh komander insiden.</li> </ul>	<p>JPERT/ PKU</p> <p>JPERT/ COSHE</p> <p>JPERT/JKES</p> <p>JPERT/ JPKPKP FKTM</p> <p>-</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Komander insiden juga meminta jika ada keperluan alat pelindung diri (PPE) yang mendesak yang perlu dibeli oleh setiap pasukan dalam JPERT Zon C4 perlu dimaklumkan kepada komander insiden selewatnya 13 Mei 2024 ini.</li> </ul>	JPERT
6	<p><b><i>Penutup Oleh Komander Insiden Zon C4</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ucapan terima kasih atas kerjasama, cadangan dan pandangan yang diberikan oleh semua ahli JPERT zon C4, pengurus JPKPKP FKTM, ahli-ahli JPKPKP FKTM dan ahli-ahli ERT FKTM Zon B &amp; C lain yang hadir dalam mesyuarat ini.</li> <li>.Mesyuarat ini ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.</li> </ul>	-  -

Disediakan oleh:




MASRI ZAIRI BIN MOHD ZIN  
 PECAWAN LATIHAN VOKASIONAL  
 Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (FTKM)  
 Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
 Email: masrizairi@unimap.edu.my

(En. Masri Zairi Mohd Zin)

Komander Insiden Zon C4

Disahkan oleh:



(Ts. Dr. Tan Wee Choon)

Pengurus JPKPKP FKTM  
**DR. TAN WEE CHOON**  
 Senior Lecturer  
 Mechanical Engineering Programme  
 Faculty of Mechanical Engineering Technology  
 Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
 Email : tweechoon@unimap.edu.my